

DEWAN RAKYAT MALAYSIA
MESYUARAT PERTAMA 2018, PENGGAL KEENAM

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK LINDA TSEN THAU LIN
KAWASAN : BATU SAPI
TARIKH : 13 MAC 2018
NO. SOALAN : 36

SOALAN

Datuk Linda Tsen Thau Lin [Batu Sapi] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan cara untuk meningkatkan produktiviti negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Menurut laporan World Competitiveness Yearbook (WCY) 2017, produktiviti negara berada di kedudukan ke-40 di kalangan 61 negara. Manakala di kalangan negara Asia, Malaysia berada di tangga ke-enam (6) mengatasi Thailand, China, Indonesia dan Filipina.

2. Bagi meningkatkan produktiviti negara, YAB Perdana Menteri telah melancarkan Pelan Tindakan Produktiviti Malaysia (MPB) pada 8 Mei 2017 bertujuan memacu pelaksanaan inisiatif produktiviti negara supaya terus berdaya tahan dan berdaya saing. Lima (5) teras strategik akan dilaksanakan di bawah MPB iaitu:

- (i) Menghasilkan tenaga kerja masa hadapan;
 - (ii) Memacu pendigitalan dan inovasi;
 - (iii) Memastikan akauntabiliti industri terhadap produktiviti;
 - (iv) Membentuk ekosistem yang teguh; dan
 - (v) Menentukan mekanisme pelaksanaan yang padu
3. Menerusi MPB, Malaysia telah mengambil pendekatan baharu dengan memperkenalkan Nexus Produktiviti yang melibatkan perkongsian kepakaran kerajaan, industri dan akademia untuk menyelesaikan isu-isu produktiviti dan inovasi perusahaan. Sembilan (9) sektor yang telah dikenal pasti di bawah inisiatif ini adalah:
- (i) Runcitan dan Makanan & Minuman;
 - (ii) Agromakanan;
 - (iii) Kimia dan Produk Kimia;
 - (iv) Elektrik dan Elektronik;
 - (v) Jentera dan Peralatan;
 - (vi) Penjagaan Kesihatan Swasta;
 - (vii) Perkhidmatan Profesional;
 - (viii) Teknologi Maklumat dan Komunikasi; dan
 - (ix) Pelancongan.
4. Setiap Nexus mempunyai jawatankuasa yang diketuai oleh pakar industri dan dianggotai oleh ahli-ahli yang berkemahiran, khusus untuk melaksanakan 43 inisiatif yang digariskan dalam MPB.

69
Tuan Yang di-Pertua,

5. Bagi menjamin produktiviti tenaga kerja negara masa depan, penekanan perlu diberi kepada perubahan struktur tenaga kerja dengan meningkatkan bilangan modal insan berkemahiran tinggi dan mengurangkan kebergantungan pada pekerja kurang berkemahiran. Amalan Sistem Upah Berkaitan Produktiviti akan diperluaskan yang mana gaji dan upah dihubungkait dengan produktiviti organisasi. Pelaksanaan Indeks Gaji Kebangsaan pula akan membantu majikan menentukan tahap gaji yang bersesuaian dengan kelayakan, kemahiran dan produktiviti pekerja.
6. Bagi menerapkan produktiviti dalam budaya kerja, program berbentuk perkongsian amalan terbaik sedang dipergiatkan melalui pelbagai medium termasuk pengajuran program berupa seminar dan persidangan yang dimuatnaik pada portal *Productivity Way Up* dan *Benchmarking Online Networking Database (BOND)*.
6. Manakala Amalan Baik Peraturan (GRP) juga perlu diaplikasi ke atas peraturan-peraturan berkaitan perniagaan bagi mewujudkan persekitaran perniagaan yang lebih produktif dan kondusif. Selain itu, peraturan-peraturan perlu dikaji semula bagi mengenalpasti beban peraturan yang tidak perlu supaya langkah penambahbaikan dapat dijalankan.
7. Kerajaan turut menjalankan pelbagai program intervensi bagi membantu organisasi-organisasi meningkatkan kecekapan, pengetahuan dan kemahiran masing-masing serta mencipta dan

melaksanakan sistem strategik baharu untuk mencapai tahap produktiviti, inovasi dan daya saing yang lebih tinggi.

Sekian, terima kasih.